

**Majlis Pelancaran Program Induksi Guru-Guru Tempatan Berkontrak
(Local Contract Teachers, LCT) Kohort ke-2, 2019**

TEKS UCAPAN

YANG MULIA

**AWANG ALIUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN,
TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (PENDIDIKAN TERAS)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**DI MAJLIS PELANCARAN PROGRAM INDUKSI GURU TEMPATAN BERKONTRAK
KOHOT KE-2 BAGI PROJEK PENGAMBILAN GRADUAN TEMPATAN SEBAGAI
GURU BAHASA INGGERIS DAN MATEMATIK, 2019**

**PADA HARI ISNIN, 22 JAMADILAWAL 1440H/ 28 JANUARI 2019M JAM 3.15
PETANG**

**BERTEMPAT DI DEWAN UTAMA JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, JALAN AIRPORT LAMA BERAKAS**

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Yang Mulia,

Awang Haji Metusin bin Haji Jais, Ketua Program Bimbingan Literasi dan Numerasi (LNCP), Pejabat Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Selaku Pengerusi Majlis;

Yang Mulia-Yang Mulia,

Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan,

Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Unit/Bahagian,

Penolong-Penolong Pengarah;

Pegawai-Pegawai Kanan;

Yang Mulia-Yang Mulia,

Guru-Guru Tempatan Berkontrak yang telah berjaya bagi Projek Pengambilan Graduan Tempatan Sebagai Guru Bahasa Inggeris Dan Matematik kohot ke-2 2019

Seterusnya,

Hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmatNya maka kita dapat sama-sama hadir ke ***Majlis Pelancaran Program Induksi bagi Guru Tempatan Berkontrak (Local Contract Teachers) bagi Kohort ke-2 bagi tahun 2019.***

Terlebih dahulu, saya dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan ucapan berbanyak terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja di atas ingatan baik mengundang saya hadir di majlis yang ringkas tetapi penuh bermakna ini dalam usaha bersama mengalu-alukan kehadiran warga pendidik yang baru, LCTs.

Di awal kesempatan ini juga, saya sukacita mengucapkan syabas, tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua semua guru tempatan berkontrak (LC), yang mana daripada 1059 orang jumlah keseluruhan pemohon, hanya 104 orang saja yang Berjaya dan terpilih untuk menjawat jawatan sebagai Guru Tempatan Berkontrak (LCT) bagi kohort ke-2 setelah menjalani 4 fasa proses pemilihan yang telah dijalankan pada tahun 2018 yang lalu.

Hadirin sekalian,

Pada satu segi di peringkat dasar, Kementerian Pendidikan telah dan sedang giat menungkhayahkan beberapa inisiatif ke arah memantapkan lagi kecemerlangan dan kebajikan guru di negara ini di mana salah satu di antaranya ialah melalui Program Pengambilan Guru Tempatan Berkontrak (Local Contract Teacher – LCT).

Alhamdulillah sejak tahun 2018 hingga kini, seramai 200 orang graduan tempatan yang berkelayakan telah berjaya diambil sebagai guru tempatan berkontrak yang akan dan telah diatitkan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik di beberapa sekolah rendah dan menengah kerajaan.

Ini merupakan rancangan jangka panjang Kementerian Pendidikan untuk mengambil lebih ramai lagi tenaga pengajar tempatan yang **berkualiti** dan **fit for the job**. Usaha Kementerian ini adalah bagi sama-sama menyokong Key Performance Indicator (KPI) Kementerian, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022 dan sekaligus mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai generasi yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kukuh ugama lagi berakhlak mulia.

Kemajuan sesebuah negara/bangsa itu adalah bergantung kepada pendidikannya. **Cemerlang Pendidikan maka cemerlanglah bangsanya**. Semua ini memerlukan tenaga pendidik yang cemerlang lagi dedikasi, mempunyai kebolehan sebagai penghubung kepada pelajar-pelajar (can connect with young people) dan minat untuk pengajaran (have a passion for teaching) untuk melahirkan generasi yang mempunyai keutuhan dan jati diri yang tinggi yang sebaya dengan kemajuan yang mengiringi.

Ini bertepatan dengan tema program induksi selama lima hari ini iaitu "**Quality Teacher, Quality Education**". Sesungguhnya, proses pemilihan dalam projek pengambilan guru tempatan berkontrak ini mencerminkan kesepakatan dan komitmen Kementerian dari pelbagai jabatan termasuk pemimpin-pemimpin sekolah terhadap hasrat dan aspirasi kementerian untuk meningkatkan lagi kualiti pengambilan guru. Kerjasama ini membuktikan sokongan dan dokongan semua peringkat dalam meningkatkan bidang pendidikan secara holistik demi memartabatkan sistem pendidikan negara.

Pada kesempatan ini juga, saya dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di dalam proses pemilihan guru tempatan berkontrak ini dari fasa pemilihan atas talian, *Micro*

Teaching Boot Camp MTBC dan sesi-sesi temuduga yang telah berjalan dengan jayanya.

Dikesempatan ini, saya sukacita ingin menasihatkan kepada semua para guru tempatan berkontak (LCT) untuk mengambil dan menggunakan peluang yang ada untuk sentiasa bersikap ***berfikiran positif, proaktif, willingness to learn***, dan bagi mendokong hasrat Kementerian Pendidikan agar para LCT akan sentiasa meningkatkan kapasiti diri sendiri secara ***life-long learning*** melalui sokongan dan bantuan secara berterusan dan mengikuti program-program perkembangan profesional yang dikendalikan oleh pihak LNCP, Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA) dan jabatan-jabatan yang berkenaan di Kementerian Pendidikan.

Saya berharap agar para LCT memainkan peranan sebagai ***Catalyst for school improvement*** dan sebagai ***facilitator*** dalam bilik darjah dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran termasuklah ***Teaching for Mastery (TfM) Framework*** dan mendokong apa-apa jua inisiatif-inisiatif yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan Pihak Sekolah.

Hadirin sekalian,

Saya penuh berharap perisian program induksi ini mampu untuk mencungkil pemikiran, menanamkan komitmen dan penghayatan di kalangan guru tempatan berkontrak.

Saya ingin menggalakan pihak LNCP di bawah kerjasama yang ada dengan jabatan-jabatan, ketua-ketua kluster, pemimpin-pemimpin sekolah dan pihak SHBIE untuk mengadakan ***LCT learning community group*** dengan mengumpulkan semua para guru tempatan berkontrak berserta pembimbing tempatan mereka dengan objektif antara lain untuk mengimbas kemajuan (***Review Progress***), menggalakan "***Peer***

Review” bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sekaligus meningkatkan profesionalisme sebagai seorang Pendidik, kerana Guru merupakan **Role Model** kepada pelajar, ibu bapa malahan kepada masyarakat sekeliling kitani.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada LCT recruitment team di atas kejayaan sekali lagi mengadakan Program Induksi Guru Tempatan Berkontrak Kohot Ke-2 Bagi Projek Pengambilan Graduan Tempatan Sebagai Guru Bahasa Inggeris Dan Matematik tahun 2019.

PELANCARAN PROGRAM INDUKSI

Dengan melafazkan kalimah Bismillahr Rahmanir Rahim, selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W, saya sukacita melancarkan program induksi guru-guru tempatan berkontrak bagi Kohort ke-2, tahun 2019.

Sekian,

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalammu’alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.